



قجابت بسر
مجلس دائره تڠكك

PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 TANGKAK, JOHOR

AMAZING
TANGKAK

VISIT JOHOR
2026



Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Ruj. Agensi : MDT.17-6/2025/SURAT

Tarikh : 02 SEP. 2025

KONTRAKTOR DAN PEMBEKAL

Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN: KEWAJIPAN MEMILIKI SIJIL PEMATUHAN CUKAI UNTUK MENYERTAI SEBUT HARGA

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Dimaklumkan bahawa mulai **02 September 2025** semua kontraktor atau pembekal yang ingin menyertai proses sebut harga bagi pembelian/perolehan yang dijalankan oleh **MAJLIS DAERAH TANGKAK** dikehendaki mengemukakan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)** yang dikeluarkan oleh pihak **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)**.

3. Keperluan ini adalah selaras dengan garis panduan pematuhan cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi memastikan semua pembekal/kontraktor yang berurusan dengan agensi Kerajaan mematuhi tanggungjawab cukai mereka.

4. Sehubungan itu, pihak tuan/puan diminta untuk memastikan sijil berkenaan dikemukakan Bersama dokumen sebutharga semasa penyertaan. Kegagalan untuk mengemukakan sijil pematuhan cukai yang sah akan menyebabkan penyertaan tuan/puan dalam proses sebutharga tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

HAJI MOHD NAZID BIN JASMAN
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tangkak

ZANMS/nas